

**SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK –
 PELAN PERLINDUNGAN PERNIAGAAN (BisPro)**

(Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan **Pelan Perlindungan Perniagaan (BisPro)**. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terkandung di dalam polisi).

Rujukan kami : 01/09/2018

 Nama penawar khidmat kewangan: **Liberty Insurance Bhd.**

 Nama produk: **Pelan Perlindungan Perniagaan (BisPro)**

Tarikh:

Kontrak Insurans Komersial

Menurut **Perenggan 4(1) Jadual 9** Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini **untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda**, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

1. Apakah produk ini?

BisPro ialah satu pakej insurans yang menyeluruh. Pakej ini memastikan anda mempunyai perlindungan yang lengkap dan pada masa yang sama memastikan anda tidak memiliki dua perlindungan yang sama – perkara yang sering terjadi apabila anda membeli polisi secara berasingan. BisPro mempunyai lima pelan yang sesuai untuk segala jenis perniagaan.

2. Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?

Polisi ini menawarkan perlindungan menyeluruh seperti berikut:

Kebakaran – Kerosakan hartabenda pihak yang diinsuranskan akibat:

- kebakaran dan kilat
- ribut, taufan
- limpahan radas tangki air atau paip
- kerosakan akibat rusuhan mogok dan niat jahat
- kerosakan akibat gempa bumi

Semua risiko – Kerugian atau kerosakan peralatan pejabat, komputer & peranti, perabot & peralatan, dan yang lain-lain (kecuali telefon bimbit atau komputer riba) akibat kemalangan atau kecelakaan melainkan dikecualikan secara khususnya.

- polisi ini tidak menyediakan perlindungan untuk mesin
- polisi ini menawarkan perlindungan Semua Risiko terhadap kemalangan atau kecelakaan melainkan dikecualikan secara khusus.

Kecurian – Kecurian hartabenda yang diinsuranskan seperti dinyatakan di dalam Seksyen 1(dilanjutkan untuk merangkumi rompakan bersenjata dan penahanan di dalam premis).

Wang

- Kehilangan wang semasa transit
- Kehilangan wang yang disimpan di dalam premis semasa waktu perniagaan
- Kehilangan wang yang disimpan di dalam peti simpanan atau bilik kebal yang berkunci selepas waktu perniagaan
- Kehilangan wang yang disimpan di dalam laci atau kabinet yang berkunci selepas waktu perniagaan
- Kerosakan ke atas peti simpanan atau bilik kebal yang berkunci akibat kecurian
- Kerosakan premis akibat kecurian

Kepingan kaca – Pecah atau kerosakan mana-mana kaca di premis

Liabiliti awam – Liabiliti undang-undang yang berkaitan dengan kecederaan tubuh badan (termasuk kematian dan penyakit) bagi sesiapa dan kerugian atau kerosakan harta akibat kemalangan yang berlaku di dalam had geografi.

Liabiliti majikan – Liabiliti majikan terhadap pekerja-pekerja yang timbul dari dan dalam tempoh penggajian mereka.

Tempoh masa perlindungan adalah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah premium yang perlu dibayar?

Bayaran premium bergantung kepada jenis perniagaan atau pekerjaan, lokasi premis, jenis barangan, klasifikasi pembinaan bangunan dan jumlah diinsuranskan.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Jumlah yuran dan caj-caj yang perlu dibayar adalah seperti berikut:

Jenis	Jumlah
Komisen yang dibayar kepada agen insurans	15%
Duti setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	6%

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) **Kepentingan pemberitahuan** – Anda mesti memastikan semua fakta yang diberikan di dalam borang cadangan adalah lengkap dan tepat.
- b) Anda mesti memastikan bahawa hartabenda anda telah diinsuranskan pada **jumlah yang wajar**.
- c) Jika berlaku kerugian, pihak **kami akan membayar jumlah yang diinsuranskan atau mengikut nilai pasaran hartabenda** yang diinsuranskan, yang mana lebih rendah (selain daripada stok dan bangunan).
- d) jika terdapat perlindungan insurans lain yang melindungi harta yang sama, Syarikat kami tidak akan dipertanggungjawabkan untuk membayar lebih dari perkadaran setimpa bagi kerugian atau kerosakan sedemikian.
- e) Jika berlaku tuntutan, anda mesti mengambil langkah-langkah dengan secepat mungkin untuk mengurangkan jumlah kerosakan dan mengambilpulihan apa-apa harta benda yang hilang.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Kami adalah tidak bertanggungjawab ke atas kerugian or kerosakan akibat daripada atau berlaku secara:

- a) Serangga perosak kulapuk kehausan dan kelusuhan, susut nilai, kemerosotan atau apa-apa proses pembaikan, pembaikpulihan dan pengubahsuaian
- b) kerugian akibat kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran.
- c) kerugian/ kerosakan akibat perang, tindakan keganasan, kontaminasi radioaktif, dan letupan sonik.
- d) Kerugian/ kerosakan akibat apa-apa kemalangan atau liabiliti yang disebabkan oleh bahan senjata nuklear.

(Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada tempoh insurans yang belum luput. Walau bagaimanapun, sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar balik.

8. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat surat-menyurat/maklumat peribadi saya?

Adalah penting anda memberitahu syarikat kami sekiranya terdapat perubahan pada maklumat peribadi anda. Ini untuk memastikan semua surat-menyurat dapat dihantar pada masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.libertyinsurance.com.my atau rujuk kepada pejabat cawangan kami atau

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Liberty Insurance Berhad
Tingkat 10, Menara Liberty,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-300-888-990
Tel : 03-2619 9000
Faks : 03-2693 0111
www.libertyinsurance.com.my

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN BAHAWA HARTABENDA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG TEPAT. ANDA DINASIHATKAN MEMBACA SERTA MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN AGEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula September, 2018.